

18 JUN 1996

Muhyiddin-Surat

TIDAK BERETIKA JIKA LANGGAR PERATURAN KEMPEN

JASIN, 18 Jun (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata adalah tidak beretika bagi mana-mana anggota UMNO yang memegang jawatan dalam kerajaan untuk menggunakan jentera kerajaan dalam kempen pemilihan parti itu Oktober depan.

"Kita tidak boleh mencampur-adukkan tugas parti dengan tugas kerajaan," katanya. Peraturan itu sangat jelas dan telah diulangi beberapa kali oleh pemimpin parti dan kerajaan.

Menurut laporan akhbar hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO telah mengarahkan semua anggota UMNO yang memegang jawatan kerajaan supaya tidak menyalahgunakan jentera kerajaan bagi kempen jawatan dalam parti.

Muhyiddin yang ditemui selepas ceramah kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Bukit Asahan di Nyalas malam tadi, berkata keputusan Majlis Tertinggi mengenai peraturan kempen perlu dipatuhi.

Peringatan dan nasihat telah berulang kali diberikan Dr Mahathir dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya semua pihak mematuhi etika kempen, katanya.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir mengeluarkan surat itu untuk memastikan arahan berkenaan benar-benar dipatuhi dan memperjelaskan kepada pemegang jawatan kerajaan supaya memandang serius perkara itu.

Ia juga bermakna Perdana Menteri mahu supaya semua pemegang jawatan memberi tumpuan sepenuhnya kepada kerja masing-masing, kata beliau.

Muhyiddin berharap peringatan terbaru daripada Presiden parti itu akan dipatuhi sepenuhnya kerana sebelum ini ada laporan diterima bahawa beberapa pihak tertentu menggunakan jawatan dan kedudukan untuk kepentingan politik.

Beliau berkata perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti yang dipengerusikan Anwar.

Muhyiddin akan mempertahankan jawatan Naib Presiden pada pemilihan Oktober depan. -- BERNAMA

MOZ NMO